

Personalistik, Etiologi Penyakit, dan Sistem Perlindungan Diri: Menyingkap Perspektif Tradisi Masyarakat Melayu Kedah

Personalistic, Disease Etiology, and It's Relationship with Self-Protection: Kedah Malay Cultural Perspective

MUHD ABDUL HADI JOHARI & AHMAD HAKIMI KHAIRUDDIN

ABSTRAK

Makalah ini bermatlamat merealisasikan hasrat bidang Antropologi Kebudayaan yang menyarankan agar seberapa banyak kebudayaan sesebuah masyarakat di dokumentasi untuk rujukan masa hadapan kerana sistem ilmunya semakin menyusut akibat ditelan oleh perkembangan agama dan perubahan sosial. Tujuan makalah ini ialah untuk mengkonstruksi kembali hakikat sistem personalistik tempatan, hubungannya dengan etiologi penyakit, dan kaitannya dengan perlindungan diri masyarakat Melayu Kedah. Asasnya kerana sistem ilmunya dihakis oleh faktor-faktor di atas itu sehingga masyarakat kontemporari tidak akses lagi dengan asas nenek moyang itu. Data dikumpul menggunakan pemerhatian ikut dan kajian kepustakaan. Pemerhatian ikut serta dijalankan di Kampung Keledang, Baling, Kedah selama lapan bulan, dari Jun 2016 sehingga Mac 2017 dengan menemu bual 10 warga tua, tiga dewasa dan dua anak muda. Adalah didapati personalistik/hantu merupakan entiti yang paling ditakuti oleh masyarakat Kedah tradisional. Entiti itu menyakiti manusia sebagai membalas dendam dengan cara mengganggu roh, menindih tubuh, menggigit tubuh, menghisap darah, merasuk manusia, menawan semangat, menyekat darah, menyerang jiwa, dan meludah. Manusia menghindari personalistik dengan cara mengadakan ritual menghalau, ritual memagar rumah, ritual menjaga kampung, mandian semangat, amalan memukul tubuh, amalan mengesan sihir, amalan menepuk pinggang, amalan menyimpan kacik/besi, membaca mantera, membaca petanda alam, memakai tangkal, serta mengamalkan petua dan pantang-larang tertentu ketika mengunjungi hutan.

Kata kunci: Personalistik; hantu; etiologi penyakit; perlindungan diri

ABSTRACT

The purpose of this study had been to realise one of Cultural Anthropology's objective to document as many as cultures as possible for future generations. Society's system of knowledge is gradually lost as a result of religious and social change. The main objective of this study is to investigate the relationship between personalistic entities and the human diseases and it's relationship with self-protection. This study utilized data obtained by the participant observation and library research. The main field work segment was carried out during an eight-month period, from June 2016 until March 2017 in the Kampung Keledang, Baling, Kedah. During this period, in-depth interviews were conducted on 15 selected Malay informants, of which 10 informants consisted of the elderly individuals and other informants include three adults and two adolescents. This study found that ghosts are considered dangerous entities by the Kedah Malay community. Sick given to human as a revenge. There are numerous ways how the ghosts can make humans sick. These include harassing as a means of getting attention, lying as applying physical pressure on the human, biting on the body, blood sucking, spirit possession of humans, disrupting the strength of the human spirit, restricting the blood flow within the body of the human, attacking the soul of the human, and spitting on the human. Self-protection practiced by the Malay community to avoid sick including the ritual menghalau, ritual memagar rumah, ritual menjaga kampung, bathing ritual (mandian semangat), amalan memukul tubuh, black magic detecting ritual, amalan menepuk pinggang, amalan menyimpan kacik/Besi, using of the mantra, refer to the nature, tangkal, and using of the taboos in the forest.

Keywords: Personalistic; ghost; disease etiology; self-protection

PENGENALAN

Makalah ini mempunyai objektif untuk menyingkap hubungan personalistik (hantu/makhluk halus) dengan etiologi penyakit serta kaitannya dengan perlindungan

diri masyarakat Melayu Kedah. Perkembangan Islam, kemodenan, dan globalisasi kebelakangan ini menyebabkan generasi baharu sudah tidak akses lagi akan ekologi sebenar sistem personalistik masyarakat Melayu terdahulu. Mereka sudah tidak tahu lagi

akan kedudukan sebenar bagaimana entiti itu dalam masyarakat terdahulu, kenapa entiti itu menyakiti manusia, serta cara bagaimana manusia terdahulu menangkis kejahatan entiti itu. Dengan makna lain, asas/jalan ceritanya sudah tidak diketahui oleh orang ramai ataupun asasnya sudah terjarak jauh sekali dengan dunia kontemporari kini. Faktornya ialah kerana unsur Islam dan kebudayaan moden/bandar telah menyerap masuk ke alam fikir tempatan, lantas perlahan-lahan menghakis asas nenek moyang itu. Idea-idea hantuisme berhubung mitologi, fantasi, dan tahyul misalnya perlahan-lahan dihakis oleh idea-idea baharu yang berteraskan rasional, ilmiah, dan empirik. Ritual menghalau misalnya telah digantikan dengan majlis membaca Surah Yasin. Ritual memagar pula telah digantikan dengan pagar air bacaan Yasin. Asas berhubung penyembuhan penyakit berteraskan alam sekeliling pula telah diambil alih oleh sistem perubatan moden. Maka, hal ini menyebabkan asas-asas yang dipelopori oleh tradisi semakin menyusut daripada masyarakat. Dengan makna lain, inti pati sebenar sistem ilmu itu serta hubungannya dengan etiologi penyakit sudah tidak diketahui oleh orang ramai. Justeru, kajian yang berteraskan Antropologi Kebudayaan ini berusaha untuk mengkonstruksi kembali hakikat/jalan cerita sistem ilmu itu sebagai tatapan umum kepada masyarakat supaya kehadirannya terus diketahui oleh orang ramai, lantas menimbulkan perasaan hormat kepada warisan bangsa. Justeru, tiga objektif penting telah digariskan untuk merealisasikan hasrat tersebut. Pertama, menjelaskan pemikiran personalistik masyarakat Kedah tradisional. Kedua, menjelaskan hubungan personalistik dengan etiologi penyakit. Ketiga, memperlihatkan bentuk sebenar sistem perlindungan diri masyarakat Melayu Kedah tradisional.

SOROTAN LITERATUR

Semenjak setengah abad terdahulu lagi, aspek yang berkait dengan hantu dan penyakit, dan kaitannya dengan perlindungan diri sudah dikaji oleh banyak sarjana, sama ada sarjana tempatan mahupun sarjana asing. Karya-karya sebelum tahun 60-an misalnya ada menyentuh mengenai perkara ini. Sarjana Barat, seperti Annandale (1904), Winstedt (1925, 1961, 1982), Skeat dan Blagden (1967), mahupun Endicott (1970) ada menyentuh mengenai personalistik. Namun setelah diamati mendalam, karya-karya mereka didapati

ada kekurangan. Ia didapati lebih bersifat kajian teks sahaja kerana tumpuan utama mereka lebih diberikan terhadap konteks sistem sosial, terutama konteks sistem kepercayaan. Aspek personalistik dimasukkan sekali di bawah topik ini hanya kerana ia merupakan sebahagian daripada aspek kepercayaan tersebut. Annandale misalnya menerusi karya yang berjudul *Fasciculi Malayenses: Anthropological and Zoological Results of an Expedition to Perak and the Siamese Malay States, 1901-1902* di bawah tema *Religion and Magic* ada menyentuh mengenai personalistik dan praktis-praktisnya namun oleh kerana karya itu merupakan karya ekspedisi, maka lain-lain aspek juga turut dimasukkan sekali. Begitu juga Winstedt, mahupun Skeat dan Blagden. Karya masing-masing yang berjudul *Shaman, Saiva, and Sufi: A Study of the Evolution of Malay Magic* (1925) dan *Malay Magic Being an Introduction to The Folklore and Popular Religion of the Malay Peninsula* (1967) ada mengulas tentang aspek personalistik tetapi penekanan lebih diberikan terhadap sistem kepercayaan tradisional, terutama pengaruh Hindu dan Islam. Konsep siva, atharvaveda, brahmana, tapa, mantra, puja, dewa, Muhammad, dan Allah diberi perhatian mendalam dan berusaha dilihat daripada sudut asal-usulnya. Asas yang serupa diteruskan oleh Endicott (1970) tahun 70-an di dalam karya *An Analysis of Malay Magic*. Seperti dijangkakan, hasilnya adalah serupa, aspek sistem kepercayaan tradisional masih lagi menjadi teras utama perbincangan walaupun asas personalistik dan praktisnya ada disentuh serba sedikit namun ia hanya secara berkala sahaja.

Menyedari hakikat itu, McHugh (1955) menerbitkan sebuah karya khusus yang benar-benar memusatkan perhatian terhadap subjek hantu atau personalistik itu sendiri. Karya yang berjudul *Hantu-Hantu: An Account of Ghost Belief in Modern Malaya* itu memfokuskan terhadap hakikat dan asal-usul hantu dalam pemikiran Melayu tradisional. Hal yang serupa juga diusahakan oleh Mohtar (1977b) dalam karya "Bomoh dan Hantu". Setakat ini, karya-karya mereka dirasakan sebagai karya terbaik setakat zaman itu berhubung hantu kerana telah benar-benar memusatkan perhatian terhadap subjek hantu itu sendiri. Namun, jika dilihat daripada sudut perlindungan diri, korpus mereka dirasakan bukan korpus yang tepat kerana aspek perlindungan diri tidak diperihalkan secara mendalam melainkan secara umum sahaja melainkan aspek berhubung hantu yang ditumpukan secara khusus. Pengkaji merumuskan, korpus-korpus itu tujuannya adalah untuk mengkaji

hantu, maka sudah tentu lain-lain aspek kurang dibincangkan secara mendalam namun kehadirannya tetap perlu dirai kerana telah mencambah korpus ilmu sedia ada. Subjek itu seterusnya dikembang oleh Swettenham (1993) dan Ismail (1991) menerusi karya masing-masing yang berjudul *A Nocturne and Other Malayan Stories and Sketches* serta “Masyarakat dan Budaya Melayu”. Walaupun karya-karya itu dipuji kerana berusaha mempromosi idea hantuisme tempatan dan hubungannya dengan aspek perlindungan diri, namun idea perlindungan diri itu tetap hanya disentuh serba sedikit sahaja. Ini kerana karya-karya mereka lebih berlegarkan konteks sosiobudaya Melayu, maka sudah tentu lain-lain aspek turut dimasukkan sekali. Setakat ini pengkaji belum pernah menjumpai mana-mana karya yang membincangkan asas sebenar sistem personalistik tempatan, hubungannya dengan etiologi penyakit, dan kaitannya dengan perlindungan diri masyarakat Melayu tradisional yang sebenar.

Mungkin akibat cetusan karya-karya di atas, para sarjana selepas itu berpusu-pusu memberi perhatian terhadap subjek perlindungan diri dan personalistik itu secara khusus. Idea itu bukan sahaja ditambah, bahkan turut ditelusuri kedudukannya dalam lapangan yang berbeza. Hal ini misalnya dapat dilihat dalam karya Aziz dan Wan Ramli (1995), Ismail (1998a, 1998b), Wan Ramli dan Hanapi (1999), Wan Nan (2001) serta Yaacob (2014) yang menelusuri aspek hantu dalam konteks petua dan pantang-larang. Nordin (2000, 2001), Amaluddin dan Raduan (2002) serta Mastor et al. (2012) pula memperihalkan kehadiran entiti itu ketika membina rumah tetapi hanya bersifat sampingan sahaja. Karya Gimlette (1991), Haliza (2000), Salmah (2010) Syariffah Suraya (2010) dan Hamidah (2013) juga ada menyentuh tentang hantu atau personalistik tetapi hanya bersifat kajian teks sahaja. Ini kerana perkara pokok yang menjadi orientasi perbincangan masih lagi berlegar di sekitar persoalan kesihatan. Walaupun karya-karya di atas tidak benar-benar memusatkan perhatian terhadap subjek personalistik itu secara khusus tetapi kehadirannya tetap harus dipuji kerana telah menambah korpus ilmu baharu dalam lapangan yang berbeza yang selama ini masih kurang korpus ilmunya. Pada masa yang sama, subjek personalistik itu juga turut ditelusuri dalam masyarakat bukan dari kalangan etnik Melayu sebagai mana yang diusahakan oleh Ann (1996), M. Rajantheran dan S. Manimaran (1994) yang masing-masing mengkaji masyarakat Cina dan masyarakat India. Schebesta (1973), Endicott (1979), Howell (1984), dan

Azyantee (2013) pula menyelidiki elemen itu dalam masyarakat Orang Asli. Aspek *supernatural* itu juga turut diselidiki dalam masyarakat Borneo sebagai mana yang diusahakan oleh Hose dan McDougall (1966) serta Yap (1985).

Menyedari hakikat bahawa karya-karya di atas masih ada kekurangan, iaitu hasilnya masih bersifat teks hiliran serta tidak memusatkan perhatian terhadap personalistik serta hubungannya dengan etiologi penyakit itu secara khusus, maka Aishah dan Bidin (2010) menulis semula sistem ilmu itu di dalam korpus yang baharu. Makalah yang bertajuk “Makanan dan Kepercayaan Tentang Etiologi Penyakit: Kes Orang Melayu Kelantan” itu berusaha menonjolkan kaitan hantu dengan penyakit. Hantu dikatakan telah bekerjasama dengan bomoh sihir untuk memasukkan sihir atau bahan kotor ke dalam makanan mangsa. Namun, karya baharu itu hanya menumpukan penyakit yang dikenakan menerusi sihir sahaja. Faktor warisan/teras kenapa entiti itu menyakiti manusia serta bentuk perlindungan diri yang dipraktikkan untuk menghindari penyakit itu tidak disentuh secara mendalam. Namun, penyelidikan itu harus dipuji kerana usaha itu bukan sahaja telah menambah korpus ilmu sedia ada, bahkan kehadirannya turut memperkaya subjek yang diselidiki itu secara mendalam yang masih kurang galian sistem ilmunya.

Setelah diamati secara mendalam, setakat ini korpus-korpus ilmu yang sedia ada dilihat masih ada kekurangan. Aspek yang berkaitan dengan konsep hantu serta asal-usul kewujudannya telah mencukupi korpus ilmunya. Tetapi aspek yang berkaitan dengan penyakit, terutama faktor warisan/teras kenapa entiti itu menyakiti manusia serta kaitannya dengan aspek perlindungan diri masih lagi tidak mencukupi dan perlu diperlengkapkan. Maka, atas alasan itu kajian ini dijalankan. Hasrat itu telah direalisasikan menerusi lawatan awal pengkaji ke Kampung Keledang, Baling, Kedah pada bulan Jun 2016. Kajian menggunakan pendekatan Antropologi Kebudayaan ini berusaha memahami pemikiran penduduk setempat mengenai persoalan personalistik, etiologi penyakit, serta kaitannya dengan perlindungan diri mereka yang khusus.

KAEDAH KAJIAN DAN KAWASAN KAJIAN

Proses pengumpulan data dalam kajian ini menggunakan dua kaedah, iaitu penyelidikan lapangan dan kajian kepustakaan. Penyelidikan

lapangan menggunakan pendekatan Antropologi Kebudayaan. Maka, aspek berhubung personalistik/hantu, etiologi penyakit, serta perlindungan diri daripada personalistik telah ditelusuri dan di manifestasi menurut kaca mata kebudayaan Melayu Kedah itu sendiri. Ia supaya hasil yang diperoleh kelak lebih benar-benar mengkhusus dan benar-benar mewakili masyarakat yang dikaji itu sendiri tanpa terpengaruh dengan idea-idea lain daripada kebudayaan luar. Maka, kajian ini telah memilih Kampung Keledang, Daerah Baling, Kedah sebagai kawasan kajian. Pemilihan daerah ini kerana lokasinya masih lagi di pedalaman dan kepercayaan terhadap entiti personalistik dan aspek berhubung perlindungan diri daripada personalistik masih lagi menebal. Kajian yang menggunakan pendekatan Antropologi Kebudayaan ini telah menemu bual 15 informan yang terdiri daripada berbagai peringkat umur dan profil. Namun, tumpuan utama lebih diarahkan terhadap warga tua yang berumur 60 tahun dan ke atas kerana mereka dianggap sebagai matang dengan persekitaran dan kebudayaan setempat. Seramai 10 orang warga tua telah ditemu bual, dengan tiga daripadanya adalah bomoh perubatan tradisional. Mereka didapati benar-benar arif berhubung sistem kepercayaan tempatan dan masih lagi aktif melakukan kerja-kerja pertanian yang berat. Profil-profil lain pula yang telah ditemu bual ialah golongan dewasa (tiga orang) dan anak muda (dua orang). Kaedah lain yang telah digunakan ialah kajian kepustakaan. Kaedah ini digunakan untuk menyokong data sedia ada agar korpus yang terhasil kelak lebih benar-benar holistik dan benar-benar mengeneralisasikan keseluruhan sistem kebudayaan Melayu Kedah itu sendiri.

PERSONALISTIK/HANTU DALAM PEMIKIRAN MELAYU KEDAH TRADISIONAL

Personalistik atau hantu daripada perspektif tempatan merujuk kepada makhluk halus yang berasal daripada roh orang yang telah mati dengan asas bahawa roh itu bersifat abadi atau *immortality*. Makhluk itu dikatakan hidup bersama-sama dengan manusia tetapi tidak boleh dilihat oleh manusia kerana dimensi alam mereka bersifat ghaib melainkan sekiranya mereka sengaja menunjukkan diri kepada manusia. Daripada segi fizikal, rata-rata mereka adalah berwajah hodoh, melainkan hantu pelesit dan bunian. Makhluk ini juga dikatakan boleh

menyerupai berbagai objek fizikal yang terdapat di sekeliling manusia, seperti pokok kayu, binatang, dan manusia itu sendiri. Daripada segi perwatakan, makhluk ini dikatakan memiliki perwatakan sebagai mana manusia, seperti marah, sedih, kuat, lemah, baik dan jahat. Hantu baik biasanya sanggup melakukan apa sahaja untuk memenuhi kehendak manusia, seperti menyembuhkan penyakit, menjaga harta tuannya daripada dicuri, melindungi tuannya daripada sakit dan disihir, serta melakukan berbagai tugas fizikal-spiritual yang berat bagi pihak manusia, seperti menanam padi, mengawasi haiwan ternakan, serta mengajar ilmu kebatinan kepada manusia, seperti ilmu penjinakan haiwan, perlindungan diri, serta perbomohan. Hantu jahat pula berperanan melakukan apa sahaja tugas jahat untuk memenuhi kehendak manusia atau diri mereka sendiri, seperti menimpakan sakit kepada manusia, mencuri harta orang lain untuk tuan mereka, merosakkan hubungan antara ahli keluarga, mengajar ilmu yang salah kepada manusia, seperti ilmu kebal untuk tujuan mencuri atau merompak, selain membantu bomoh menjayakan kegiatan sihir, seperti menghidupkan bahan sihir, memasukkan bahan sihir ke dalam makanan, serta memasuk dan mengaktifkan bahan sihir di dalam badan mangsa. Daripada segi agama pula, makhluk ini dikatakan menganut berbagai jenis agama. Antaranya ialah Islam, Majusi, Kristian, dan tidak beragama. Makhluk ini juga memakan berbagai jenis bahan kotor. Antaranya ialah darah binatang, tulang binatang, cacing, dan telur ayam kampung. Dalam kepercayaan masyarakat Melayu Kedah, terdapat lebih daripada 20 jenis hantu. Antaranya ialah hantu penanggal, hantu raya, hantu laut, hantu pelesit, hantu busut, hantu tanah, hantu bungkus, hantu kubur, langsuir, hantu pari, mambang, orang bunian, dan toyol. Mereka (Winstedt 1925:16-19, 1961:19, 1982; Mohtar 1977a:1-2; Mohd Taib 1989b:181) dipercayai hidup di merata-rata tempat, seperti di kawasan pertanian, lautan, pantai, hutan rimba, rumah, dan sebagainya.

Kepercayaan Orang Kedah terhadap entiti ini sudah wujud semenjak sekian lama lagi. Ia dibentuk oleh idea yang disuluh oleh pengalaman. Pengalaman berhubung fenomena alam, seperti sakit, kematian, kerosakan tanaman, dan petanda tertentu (seperti jelmaan, bunyi-bunyian aneh, dan kerasukan) yang bersifat *supernatural* mencetuskan persoalan berhubung punca dan siapa pencetus fenomena itu. Namun, oleh kerana tiada pengetahuan yang kukuh berhubung kejadian

tersebut, maka mereka mentafsir kejadian tersebut mengikut kefahaman mereka sendiri. Hasil tafsiran tersebut wujud tanggapan bahawa kejadian-kejadian tersebut diperlakukan oleh suatu kuasa ghaib yang menguasai alam ini, di mana kuasa-kuasa ghaib itu merupakan roh kepada objek-objek alam yang berada di sekeliling mereka, seperti pokok, batu, gunung, binatang, sungai, gua, bukit, dan sawah (Winstedt 1982; Mohd Taib 1989b; Abdul Rahman 1990:2; Ismail 1991:28). Apatah lagi, ahli-ahli masyarakat yang lain juga turut mengalami perkara yang serupa di tempat yang sama atau di tempat yang lain, maka idea mengaitkan fenomena itu dengan mistik terus berkesinambungan. Perkara itu terus disampaikan kepada ahli-ahli masyarakat yang lain dan idea itu terus berjaringan ke seluruh rangkaian masyarakat sehinggalah ke generasi kini. Entiti-entiti itu (Abdul Rahman 1999:14; Aziz Deraman 2005:115) dikatakan hidup bersama-sama dengan manusia, mempunyai keperibadian, walaupun tidak boleh dilihat tetapi mempunyai peranan yang besar dalam menentukan kesejahteraan hidup manusia. Pada zaman dahulu (Mohtar 1977b:2; Rahim 1985:58), entiti ini dianggap sebagai Tuhan. Hal ini dipersetujui oleh informan:

“Menurut tok Teh, walaupun tahun 50-an Islam telah bertapak kukuh dalam masyarakat tetapi ahli-ahli masyarakat pada waktu itu tetap cenderung kepada makhluk halus berbanding ibadah kepada Allah. Apatah lagi di zaman Islam belum berkembang. Sudah tentu kepercayaan terhadap makhluk tersebut lebih mendominasi berbanding yang lain. Mungkin dianggap sebagai Tuhan”

Asas Hinduisme juga dilihat ada mempengaruhi idea personalistik tempatan (Mohtar 1977b:1). Hinduisme percaya dunia ini dan segala isinya terhasil daripada penjelmaan Tuhan Brahman (Rahim 1985:58). Daripada pancaran itu, terhasilnya berbagai makhluk tabii di bumi, seperti pokok kayu, matahari, angin, langit, manusia, dan sebagainya. Mereka percaya objek-objek itu mempunyai “jiwa” yang bersifat *supernatural* yang digelar dewa atau dewi. Dewa dan dewi itu hakikatnya adalah “jelmaan” dari Brahman tersebut. Selama ini penganut Hindu bukan menyembah dewa dewi tersebut. Ritual itu hanya bersifat simbolik. Hakikatnya mereka menyembah Brahman. Kemuncak agama Hindu ialah penyatuan kembali entiti-entiti itu, termasuk manusia dengan Brahman mereka kembali atau mencapai *moksya* (kebebasan mutlak tanpa perlu dilahirkan semula dan bersatu kembali dengan Brahman). Namun ia bergantung kepada tahap amalan seseorang itu di

dunia atau disebut *karma*. Orang yang baik akan dilahirkan semula sebagai entiti yang sepadan dengan kebajikannya di dunia. Misalnya, seseorang yang baik akan dilahirkan semula sebagai orang kaya atau dewa-dewi. Orang yang kurang baik pula akan dilahirkan semula sebagai entiti tertentu, bergantung kepada tahap kejahatannya di dunia (Winstedt 1982; Abdul Rahman 1990:11, 1999:19). Orang yang sangat jahat misalnya dilahirkan semula sebagai anjing, pelacur, mahupun kulit bawang. Dalam konteks personalistik, oleh kerana sebelum Hinduisme, Orang Kedah tradisional telah percaya akan kewujudan “jiwa” di dalam objek-objek alam, maka dogma Hinduisme itu terus dapat diterima dengan mudah dalam masyarakat setempat. Namun, perkara itu hanya diterima daripada sudut luaran sahaja, dengan diberi nama dewa-dewa Hindu agar seiring dengan Hindu Vedaisme (Mohd Taib 1988:45; Abdul Rahman 1990:7; Ismail 1991:51; Aziz 2001:57-58). Misalnya, semangat matahari telah diberi nama *Surya* dan angin pula telah diberi nama *Vayu*. Ribut dan petir pula masing-masing telah diberi nama *Indra* serta *Rudra* (Ismail 1991:54). Tetapi isinya tetap merujuk kepada kepercayaan lama, iaitu hantu. Pada ketika itu, entiti-entiti itu masih lagi dianggap Tuhan, bukannya makhluk Tuhan.

Kedatangan Islam pada abad ke-13 telah mengubah keseluruhan pandangan hidup Orang Melayu Kedah. Rentetan itu, perasaan kudus kepada Allah telah mengatasi perasaan takut kepada makhluk halus (Mohd Taib 1984:244). Lantas, konsep yang bertuhankan makhluk halus telah bertukar kepada konsep yang bertuhankan Allah. Namun, oleh kerana kepercayaan Animisme itu sudah bertapak kukuh dalam masyarakat semenjak mereka belum lagi menganut Islam (Hashim 1984:139; Harun Mat Piah [dalam Haron Daud 1989:34]), di samping entiti-entiti yang terdapat dalam kepercayaan lama itu sendiri dirasakan lebih dekat dengan mereka, dapat dikhayalkan dengan akal, serta dapat menunaikan permintaan yang diinginkan dengan serta-merta. Maka atas alasan itu, asas-asas daripada ajaran lama itu tetap tidak dapat ditinggalkan sepenuhnya. Malah, terus diamalkan seiring dengan ajaran Islam tetapi dengan cara disaring dan disesuaikan dengan ajaran Islam. Hasilnya, dewa-dewa daripada pengaruh Hindu sebelum ini telah diberi nama baharu seiring ajaran Islam, seperti Iblis (Mohtar 1977b:2), jin serta keramat (Mohd Taib 1989b). Namun, isinya tetap merujuk kepada kepercayaan lama, iaitu hantu.

Pada ketika itu, entiti-entiti tersebut telah dianggap sebagai makhluk Tuhan, bukannya lagi Tuhan sebagai mana dalam kepercayaan lama.

Gabungan *worldview* itu telah mencorak sistem kepercayaan tempatan (Hairudin 2006:11). Hasilnya, wujud satu kepercayaan baharu yang dinamakan sebagai Islam *folk* (Mohd Taib 1989a). Islam *folk* merujuk kepada satu bentuk kepercayaan yang terhasil akibat sinkritis antara Islam dengan kepercayaan pra-Islam (kepercayaan Animisme dan Hindu). Rumusan yang dapat dibuat terhadap konsep ini, sekali gus sebagai rumusan akhir terhadap konsep personalistik tempatan ialah hantu dalam perspektif *worldview* ini dapat dirumuskan sebagai entiti yang berupa makhluk Tuhan, bukannya Tuhan yang sebenar. Tuhan yang sebenar merujuk kepada Allah. Perkara itu telah diterima pakai oleh seluruh ahli masyarakat pada waktu itu. Sebagai makhluk Tuhan, entiti tersebut dikatakan mula menjadi hantu akibat roh mereka tidak dapat naik ke langit untuk bertemu Allah akibat langit enggan membuka pintu kerana kejahatan mereka, lantas mereka menjadi hantu. Perubahan konsep manusia kepada hantu akibat kejahatan itu telah dipengaruhi oleh konsep *karma* daripada Hinduisme yang diterangkan sebelum ini. Ini kerana dalam ajaran Islam, seseorang itu tidak akan menjadi hantu walau seberapa banyak kejahatan sekalipun yang telah dilakukannya. Mereka tetap akan menjadi manusia dan amal perbuatan mereka akan dihisab oleh Allah di hari akhirat kelak. Di bumi, entiti itu mula merayau-rayau ke merata-rata tempat serta mula menyerapi diri dengan berbagai elemen alam yang lain, seperti pokok kayu, sungai, gua, bukit, lubang, mahupun rumah. Persis terakhir ini dilihat telah dipengaruhi oleh asas daripada ajaran yang asal, iaitu Animisme serta Hinduisme. Ini kerana sememangnya asas daripada kepercayaan pra-Islam mendoktrinkan bahawa alam ini mempunyai “jiwa” atau “tenaga” yang menyerapi elemen-elemen fizikal itu. Atas sebab itu, idea hantuisme tempatan mudah dipengaruhi oleh asas daripada ajaran yang asal itu walaupun Islam telah bertapak kukuh dalam masyarakat. Konklusinya, ketiga-tiga *worldview* itu telah mempengaruhi sistem kebudayaan Melayu tradisional. Sistem yang pada asalnya bersemi secara terpisah-pisah itu, akhirnya jika dilihat dari kaca mata kebudayaan Melayu tradisional itu sendiri, hakikatnya mereka bercantum menjadi sebuah kerangka kebudayaan Melayu tradisional yang utuh lagi sepadu.

PERSONALISTIK DAN KAITANNYA DENGAN ETIOLOGI PENYAKIT

Kepercayaan berhubung personalistik (atau hantu) dengan etiologi penyakit sudah wujud semenjak sekian lama lagi, iaitu seiring dengan kewujudan manusia. Ia dibentuk berasaskan pengalaman. Dalam konteks Orang Melayu Kedah, pengalaman tertentu, seperti dirasuk hantu (akibat makhluk itu memegang *semangat* dan mental mangsa), tubuh kelihatan pucat dan lemah (akibat makhluk itu memakan empat unsur penting tubuh, iaitu sejuk, panas, api, dan angin), sakit di seluruh tubuh (akibat makhluk itu menghisap darah, menggigit tubuh, mahupun menyekat peredaran darah ke seluruh anggota badan), terlihat kelibat bayang yang menyeramkan, atau kejadian hantu belaan memakan tuan (akibat kegagalan menyediakan bahan jamuan yang sempurna akibat faktor umur dan keuzuran) adalah antara contoh pengalaman yang menumbuhkan idea untuk mengaitkan hantu dengan etiologi penyakit. Apatah lagi, perkara itu disahkan pula kebenarannya oleh bomoh sebagai individu yang dianggap pakar oleh penduduk setempat. Kebetulanannya, individu lain juga turut mengalami kejadian yang serupa di tempat yang sama atau di tempat yang lain. Maka, idea mengaitkan hantu dengan etiologi penyakit sudah tidak dapat disangkal lagi. Lantas, terus dianggap benar, dipegang teguh, serta disebarkan kepada orang lain.

Asas utama kenapa entiti itu menyakiti manusia ialah akibat perasaan dendam. Kegagalan naik ke langit untuk kembali kepada Allah akibat langit enggan membuka pintu kerana kejahatan mereka di dunia serta perubahan diri mereka daripada roh manusia kepada makhluk tertentu yang tidak diketahui asal-usul atau disebut hantu (akibat pengaruh Hinduisme) telah menyebabkan mereka berasa marah, lantas mereka melampiaskan kemarahan itu kepada manusia. Mereka sengaja mencari alasan untuk menyakiti manusia. Perbuatan manusia memetik bunga-bunga hutan tanpa meminta kebenaran misalnya atau perbuatan membina struktur kekal (rumah) di atas kawasan makhluk tersebut telah dijadikan sandaran untuk menyakiti manusia. Hasrat itu diratifikasi dengan menggunakan kudrat luar biasa mereka. Keupayaan mengghaibkan diri dan menjelma diri kepada makhluk lain misalnya telah digunakan oleh entiti itu untuk mendatangi manusia dalam rupa tertentu yang menakutkan, seperti kelibat orang tua ataupun beruk besar. Keupayaan memasuki

urat saraf manusia pula telah digunakan untuk memasuki tubuh, lantas menggigit, menghisap darah, serta menyekat peredaran darah. Dengan makna lain, mereka menyakiti manusia dengan cara tertentu, seperti mengganggu roh, menindih tubuh, menggigit tubuh, menghisap darah, merasuk manusia, menawan semangat, menyekat darah, menyerang jiwa, meludah, menolak ke tempat berbahaya, mengambil kesempatan di atas semangat rumah, mengambil kesempatan di atas suasana alam, serta mengambil kesempatan di atas sial binatang. Pengalaman sebegitu telah menyedarkan manusia bahawa tidak kesemua entiti tersebut bersifat baik. Ada daripada kalangan mereka yang bersifat jahat serta berusaha menimpakan penyakit kepada manusia daripada segenap penjuru dan waktu.

SISTEM PERLINDUNGAN DIRI DARIPADA PERSONALISTIK

Berbagai amalan telah dipraktiskan oleh Orang Kedah tradisional untuk melindungi diri mereka daripada personalistik tersebut. Antaranya ialah dengan mengadakan ritual menghalau hantu, ritual memagar rumah, ritual menjaga kampung, mandian semangat, amalan memukul tubuh, amalan mengesan sihir, amalan menepuk pinggang, amalan menyimpan kacak/besi, membaca mantera, membaca petanda alam, memakai tangkal, serta mengamalkan petua dan pantang-larang tertentu ketika mengunjungi hutan. Amalan itu secara tidak langsung telah menjawab persoalan berhubung asasnya yang sebenar yang selama ini telah menyusut dari masyarakat akibat dihakis oleh elemen Islam dan unsur moden.

RITUAL MENGHALAU

Ritual menghalau merujuk kepada ritual untuk menghalau unsur hitam (hantu jahat dan semangat negatif) yang berada di dalam rumah untuk keluar daripada rumah. Ritual ini diadakan dengan cara pemilik rumah merembas beras-kunyit yang telah dijampi oleh bomoh menggunakan mantera atau doa tertentu. Ritual ini dimulakan dengan beberapa syarat: Pertama, ritual mesti dijalankan hampir azan maghrib kerana pada waktu tersebut, makhluk ini bergerak aktif, maka mudah bagi mereka untuk dihalau keluar. Kedua, acara tersebut mestilah dikendalikan oleh orang yang bersemangat kuat kerana orang yang

bersemangat lemah mudah disampuk oleh makhluk tersebut. Ketiga, sebelum acara ritual bermula, pintu dan tingkap rumah perlu dibuka seluas-luasnya. Tujuannya ialah untuk memudahkan makhluk tersebut meninggalkan rumah. Ritual ini biasanya diadakan di ruang tidur terlebih dahulu. Asasnya kerana bilik tidur adalah tempat utama manusia melakukan kegiatan peribadi. Justeru, ruang itu perlu disucikan terlebih dahulu. Caranya ialah bahan itu perlu digenggam kuat, lantas dirembas di seluruh ruang tersebut sambil mengungkap kata “nah! aku bakar engkau dengan beras ini, pergi engkau dari sini”, diikuti perbuatan itu disertakan di ruang-ruang rumah yang lain, seperti ruang dapur, bilik air, ruang tamu, serta diakhiri di bahagian dalam muka pintu rumah. Ketika berada di posisi akhir ini, tuan rumah perlu sekali lagi memberi amaran kepada makhluk tersebut sebagai amaran terakhir supaya jangan lagi mendatangi rumah tersebut. Amaran itu boleh berbunyi “keluar kau dari rumah ini, jangan kau datang ke sini lagi, kalau kau datang ke sini lagi, aku bakar engkau dengan beras ini”. Masyarakat Kedah tradisional percaya bahawa beras itu berkuasa (bertukar panas) akibat diterapkan elemen sakti oleh hantu peliharaan bomoh. Unsur itu dikatakan dipunyai oleh Allah. Entiti itu sekadar menjadi perantara sahaja antara manusia dengan Allah. Bahan itu berfungsi dengan cara menyakiti hantu jahat sehingga mereka melarikan diri daripada rumah.

RITUAL MEMAGAR

Ritual memagar pula sebagai menyokong ritual menghalau. Ritual ini dijalankan selepas ritual menghalau. Tujuannya ialah untuk menyekat hantu jahat yang berada di luar rumah/dihalau daripada rumah kembali semula ke rumah selepas anasir itu diusir menerusi ritual menghalau. Ritual ini dijalankan dengan bomoh membacakan ayat Kursi, surah Al-Ikhlâs, dan surah Al-Fatihah terhadap pasir sungai tertentu dengan bacaan tersebut tidak boleh dilengkapkan kesemuanya. Ada bahagian-bahagian yang perlu ditinggalkan. Ayat Kursi misalnya perlu dibaca sehingga ayat *walayaudduhu* sahaja. Manakala, surah Al-Ikhlâs pula perlu dibaca sehingga lengkap. Pasir itu kemudiannya perlu ditabur secara sederhana kuat di sekeliling rumah dengan dimulakan dari sebelah kanan pintu utama rumah. Ketika berada di posisi ini, pemilik rumah perlu berniat agar bahan itu bertukar menjadi pagar ghaib, dengan kehadirannya berupaya menyekat

hantu jahat daripada memasuki rumah. Bahan itu berfungsi dengan cara menghasilkan pagar ghaib yang bersifat panas yang melingkari rumah. Pagar tersebut tidak dapat dilihat oleh mata kasar manusia namun dapat dilihat oleh makhluk tersebut. Jika makhluk tersebut berkeras mahu memasuki rumah, mereka akan mendapat sakit jika tubuh mereka terkena pagar ghaib tersebut. Lantas, mereka bertindak melarikan diri serta berhenti daripada meneruskan niat jahat tersebut.

RITUAL MENJAGA KAMPUNG

Ritual menjaga kampung pula merujuk kepada ritual bersahabat dengan hantu rimba. Ritual ini diamalkan untuk tujuan melindungi tanah kediaman/kawasan rumah daripada dimasuki oleh penyihir serta hantu belaanannya untuk tujuan mengenakan sihir kepada pemilik tanah/rumah atau ahli keluarganya. Hantu rimba diseru agar dapat memantau kawasan rumah daripada dimasuki pembawa sihir tersebut. Ritual ini dijalankan dengan cara pemilik tanah/rumah mendatangi hantu rimba di tengah rimba. Entiti itu kemudiannya dijamu dengan makanan tertentu, seperti pulut kuning, telur ayam kampung, ayam panggang, dan darah kambing yang diletakkan di dalam *peru* (perahu) kecil yang diperbuat daripada daun pisang. Setelah itu, *dian* (lilin) dinyalakan, sambil pemilik tanah menyebut “datanglah kepadaku wahai pemegang air, api, angin, dan tanah aku ingin bersahabat dengan mu”. Dua petanda didapati wujud jika entiti itu mendatangi manusia, iaitu muncul kelibat bayang yang gelap dan besar mendatangi manusia datang dari arah belakang dan api *dian* terliuk-liuk dengan sendirinya. Setelah itu, manusia perlu berpura-pura seakan-akan melihat mereka, lantas perlahan-lahan berkomunikasi dengan mereka. Manusia misalnya boleh memulakan bicara dengan mengungkap kata “oh, engkah sudah datang! Engkau sudah tentu lapar?”. Entiti itu dikatakan membalas perbualan itu dengan cara, antaranya ialah mengilhamkan hasrat ke dalam hati manusia, membisikkan ke telinga manusia, merasuk peneman (orang yang mememani pemilik tanah) sebagai orang tengah, mahupun memberi mimpi kepada manusia. Manusia mengikat ikatan dengan menjanjikan makanan tertentu pada tarikh-tarikh tertentu, dengan syarat mereka mematuhi setiap arahan manusia, termasuk melindungi nyawa manusia daripada sihir. Entiti itu memberi persetujuan dengan mengilhamkan

mimpi kepada manusia. Contohnya, mimpi didatangi seekor harimau besar, lantas manusia memakaikan rantai di leher harimau tersebut. Mimpi itu menandakan bahawa entiti itu telah bersedia berkhidmat untuk manusia. Entiti itu melindungi manusia daripada personalistik (sihir) dengan cara memantau dan menakuti pelaku (pembawa sihir) sehingga perbuatan itu tidak diteruskan lagi. Misalnya, entiti itu menjelmakan diri menyerupai makhluk tertentu yang menakutkan, seperti ular besar ataupun lembaga hitam. Jika tindakan sedemikian tidak berhasil, entiti itu akan menyakiti pelaku dengan cara mengenakan sakit, seperti sakit kepala, sakit sendi, atau badan dilumpuhkan sertamerta. Tujuannya ialah untuk mengusir penceroboh dan memberi amaran supaya niat jahat itu tidak diteruskan lagi.

MANDIAN SEMANGAT

Mandian semangat merujuk kepada mandian untuk memanggil dan memperteguhkan semangat dalaman (semangat semula jadi manusia), mengusir semangat hitam (semangat negatif, seperti perasaan malas, berputus asa, dan tidak bermaya), serta menghalau hantu jahat yang berada di dalam tubuh. Tujuannya ialah agar tubuh sentiasa segar, diri terhindar daripada penyakit fizikal, akal berfungsi dengan baik, darah berjalan dengan lancar, diri terhindar daripada perasaan lemah dan berputus asa, serta tubuh terhindar daripada penyakit yang berpunca oleh hantu jahat. Ritual ini dijalankan dengan cara bomoh membaca mantera/doa tertentu terhadap air (jenis air yang digunakan ditentukan oleh bomoh). Air itu kemudiannya perlu dimandi oleh pesakit/orang yang mendatangi bomoh dengan mematuhi beberapa syarat. Antaranya ialah misalnya, air perlu dicampur dengan bahan-bahan tertentu, mandi perlu dibuat pada waktu-waktu tertentu, atau pihak yang terlibat perlu membaca doa/mantera tertentu. Semua itu ditentukan oleh bomoh itu sendiri. Ia perlu dipatuhi oleh pesakit/pihak yang terlibat supaya hasil yang diperoleh kelak lebih mujarab. Berhubung fungsi perlindungan diri daripada personalistik, amalan itu dikatakan berupaya memperteguhkan semangat dalaman diri. Orang yang teguh semangat dalamannya, sukar lagi ditawan oleh hantu jahat. Lantas, tubuh mereka terelak daripada penyakit yang dibawa oleh makhluk tersebut.

AMALAN MEMUKUL TUBUH

Amalan memukul tubuh pula merujuk kepada amalan selepas mandi. Amalan ini diamalkan untuk tujuan memperteguhkan semangat dalaman diri. Ini kerana orang yang teguh dalamannya sukar lagi diganggu oleh hantu jahat. Amalan ini diamalkan dengan cara, kain basahan yang dipakai ketika mandi diperahkan airnya. Kemudian, kain itu perlu dipulas sehingga menjadi kejam serta dipukulkan di bahagian belakang badan dalam keadaan sederhana kuat. Setelah itu, pelaku perlu menggigit kain tersebut sekuat hati sambil menyebut mantera "*tok asa tok asi, patah besi ikat tosa, Ya Wahab Innallah*". Masyarakat Kedah tradisional percaya dengan mengamalkan amalan itu, tubuh mereka akan menjadi kuat, badan menjadi sihat, semangat menjadi kental, serta gigi tidak mudah patah walaupun dimamah usia. Orang yang memiliki sifat-sifat itu, tidak mudah lagi diganggu oleh hantu jahat kerana ruang-ruang tubuh mereka telah ditutup oleh unsur-unsur putih itu. Lantas, tubuh mereka terhindar daripada penyakit bawaan makhluk tersebut.

AMALAN MENGESAN SIHIR

Amalan mengesan sihir pula diamalkan ketika makan. Amalan ini diamalkan untuk tujuan mengesan sihir yang berada di dalam makanan agar makanan itu tidak dimakan. Ia dilakukan ketika makan di rumah musuh mahupun rumah sendiri. Tiga amalan dipraktikkan oleh Orang Kedah tradisional untuk mengesan sihir. Pertama, ialah dengan meramal dengan hati. Kaedah ini berpaksikan kepada asas bahawa manusia itu mempunyai kata hati/fitrah. Elemen itu dikatakan dipunyai oleh Allah yang diilhamkan ke dalam hati manusia sebagai menyampaikan suatu mesej andai seseorang itu bakal ditimpa musibah. Bagi kes sihir misalnya, hati dikatakan akan memberi petanda terlebih dahulu jika makanan yang hendak dimakan itu dicemari dengan sihir, seperti perasaan keluh kesah atau serba tidak kena. Jika perasaan tersebut hadir, makanan itu perlu ditinggalkan sama sekali atau tidak dimakan. Berpuasa adalah alasan yang terbaik untuk meninggalkan makanan tersebut. Kedua, mengesan sihir dengan anak jari. Kaedah itu dilakukan jika sihir itu disyaki berada di dalam minuman. Ia dilakukan dengan cara meletakkan anak jari di bawah gelas minuman. Terminologinya ialah jika minuman itu adalah

minuman panas tetapi bahagian bawahnya bersuhu sejuk ataupun minuman tersebut adalah minuman sejuk tetapi bahagian bawahnya bersuhu panas. Maka, minuman itu disyaki mengandungi sihir serta perlu ditinggalkan sama sekali. Ketiga, melihat bayang-bayang sendiri di dalam minuman. Tujuannya ialah untuk memuktamadkan kehadiran sihir tersebut. Jika minuman itu memaparkan wajah sendiri serta bayang-bayang tersebut jelas kelihatan, maka tidak dapat disangkal lagi bahawa minuman tersebut sememangnya mengandungi sihir. Ini kerana semasa ritual sihir dijalankan, bomoh akan menyebut nama individu yang ingin disihir itu. Justeru, apabila sihir tersebut dimasukkan ke dalam minuman penama, secara sendirinya air tersebut akan mencerminkan rupa mangsa sebagai individu yang dinamakan. Justeru, minuman tersebut perlu ditinggalkan sama sekali.

AMALAN MENEPUK PINGGANG

Amalan menepuk pinggang pula adalah amalan memperteguhkan semangat dalaman. Amalan ini diamalkan selepas makan. Seperti amalan memukul tubuh, amalan ini juga berpegang kepada terminologi bahawa orang yang teguh dalamannya sukar lagi diganggu oleh hantu jahat mahupun dimasuki oleh mana-mana unsur hitam yang berada di luar. Selepas makan dan membasuh tangan, Orang Kedah tradisional biasanya menepuk pinggang mereka (dalam keadaan duduk bersila) dari arah belakang dengan menggunakan kedua-dua belah tangan mereka. Tujuannya ialah agar semangat menjadi kuat dan tubuh menjadi kejam/kental. Orang yang tubuhnya kejam serta semangatnya kental, sukar lagi dikuasai/dirobosi oleh hantu jahat mahupun diserang oleh mana-mana penyakit fizikal tertentu. Hasilnya, tubuh mereka sentiasa sihat, kelihatan kemas, dan terhindar daripada penyakit yang dibawa oleh hantu jahat tersebut.

AMALAN MENYIMPAN KACIK/BESI

Amalan menyimpan kacak atau besi (paku, pisau, keris, atau besi panjang) pula diamalkan semasa tidur. Ia diamalkan untuk tujuan menghalau hantu jahat semasa tidur. Semasa tidur, tubuh manusia adalah lemah kerana roh keluar daripada tubuh, kesempatan itu sering diambil oleh hantu jahat untuk menyakiti tubuh. Orang Kedah tradisional

biasanya meletakkan kacip/besi di samping mereka semasa tidur. Bahan itu dikatakan mengandungi unsur panas dan tajam yang kuat. Unsur itu apabila terkena tubuh makhluk tersebut mereka akan berasa sakit, lantas melarikan diri. Maka, tubuh terselamat daripada gangguan makhluk tersebut. Selain itu, besi juga berfungsi sebagai senjata untuk melawan hantu jahat ketika tidur. Ketika tidur, roh manusia keluar daripada jasad dan berjalan ke merata-rata tempat. Kesempatan itu sering diambil oleh hantu jahat untuk menyakiti roh. Ketika itu, roh boleh pulang ke rumah dan mengambil besi yang berada di samping jasad untuk melawan hantu jahat yang ingin mengganggu roh. Jika entiti itu melihat besi, mereka akan melarikan diri, lantas diri terselamat daripada gangguan makhluk tersebut.

MEMBACA MANTERA

Mantera pula dibaca ketika hendak keluar daripada rumah. Tujuannya ialah untuk menghindar diri daripada diganggu oleh hantu jahat ketika di luar rumah. Bait mantera tersebut berbunyi seperti berikut:

Bismillahirrohmanirrahim
Om Sanggu
Ku sanggu tujuh sanggu
Ku sanggu depan
Ku sanggu belakang
Ku sanggu di bawah
Ku sanggu di atas
Ku sanggu di kiri
Ku sanggu di kanan
Abu Bakar

Tertib menjayakannya adalah seperti berikut, iaitu pengamal mantera perlu berdiri di bahagian dalam pintu rumah sambil menyebut bait pertama mantera, iaitu *om sanggu* sambil kaki kanan melangkah keluar daripada rumah diikuti kaki kiri. Setelah itu, beliau perlu menyebut kesemua bait-bait mantera tersebut sambil bertingkah laku sebagai mana rentak mantera tersebut. Jika mantera tersebut berbunyi *sunggu kanan*, maka pembacanya perlu berpaling sedikit ke arah kanan sambil meniup kecil ke arah tersebut. Ia sebagai simbolik perlindungan diri di sebelah kanan. Jika bait mantera tersebut berbunyi *sunggu kiri*, pembacanya perlu berpaling sedikit ke arah kiri sambil meniup kecil ke arah tersebut. Ia sebagai simbolik perlindungan diri di sebelah kiri. Begitu juga dengan penjuru-penjuru badan yang lain. Setiap penjuru-penjuru itu perlu dilengkapi

kesemuanya sebagai menyempurnakan mantera. Mantera itu berfungsi dengan cara membentuk pagar ghaib di sekeliling tubuh yang melindungi tubuh daripada hantu jahat.

MEMBACA PETANDA ALAM

Membaca petanda alam pula diamalkan ketika hendak mengunjungi kawasan keras/hutan. Orang Kedah tradisional percaya alam ini mempunyai semangat. Elemen itu dikatakan berada di dalam jasad-jasad alam/objek hidup, seperti matahari, langit, hujan, angin, dan sebagainya. Elemen itu akan memberi petanda kepada manusia andai perjalanan ke hutan/kawasan keras bakal berakhir dengan natijah malang. Misalnya, suasana langit kelam. Petanda itu mengkonotasikan bahawa manusia itu bakal berhadapan dengan bahaya. Bahaya itu boleh berupa bahaya fizikal, seperti dibadai ribut, terjatuh bukit, dipatuk ular, diserang binatang buas, dan terlibat dengan nahas fizikal, mahupun bahaya spiritual, seperti diganggu oleh makhluk halus, iaitu dengan cara disakiti, dirasuk, tidak sedarkan diri, mahupun disesatkan di tengah rimba. Manusia akan mengambil pengajaran daripada petanda itu untuk tidak mengunjungi kawasan keras/hutan. Namun, jika petanda itu menunjukkan yang sebaliknya, iaitu langit terang, maka perjalanan itu boleh dilakukan sebagai mana biasa kerana langit terang melambangkan natijah baik, iaitu diri terhindar daripada nasib malang serta pekerjaan yang dilakukan akan memberi pulangan yang paling baik.

MEMAKAI TANGKAL

Tangkal juga dipakaikan ketika hendak mengunjungi kawasan keras. Dua jenis tangkal yang digunakan oleh Orang Kedah tradisional sebelum ke kawasan keras, iaitu tangkal jampian dan tangkal semula jadi. Tangkal jampian merujuk kepada tangkal yang diberi kuasa oleh bomoh menerusi jampi. Tangkal yang termasuk di bawah kategori ini ialah kain kecil atau kertas kecil yang ditulis dengan kalimah tertentu oleh bomoh. Bahan-bahan itu pada mulanya tidak berkuasa tetapi setelah dibaca dan ditulis dengan satu kalimah/mantera tertentu oleh bomoh, maka tangkal itu menjadi berkuasa. Tangkal yang kedua pula ialah tangkal semula jadi. Tangkal ini misalnya, seperti kain penutup Kaabah.

Tangkal ini mendapat kuasa setelah terserap aura suci dari persekitaran tempat asal kedatangannya, iaitu tanah suci Makkah. Kedua-dua tangkal itu berfungsi dengan cara mengeluarkan aura panas seperti api. Aura tersebut apabila terkena tubuh makhluk tersebut, mereka akan berasa sakit, lantas melarikan diri daripada manusia.

PETUA DAN PANTANG-LARANG DI DALAM HUTAN

Petua dan pantang-larang juga dipraktikkan ketika hendak ke hutan. Pertama, dalam perjalanan ke hutan, Orang Kedah tradisional percaya jika di dalam perjalanan, manusia terjumpa dengan biawak melintas jalan, maka perjalanan itu tidak boleh diteruskan. Ini kerana biawak merupakan binatang yang bernasib malang/mempunyai sial. Sial itu jika terkena tubuh manusia, secara tidak sengaja manusia itu boleh tertanda dengan satu "petanda". Petanda itu jika terlekat pada tubuh manusia, memudahkan hantu jahat mengesani mangsa berbanding individu yang lain. Kesempatan itu boleh diambil oleh hantu jahat untuk menyakiti mangsa. Kedua, amalan di *gigi* (pinggir) hutan. Hutan merupakan tempat kepada makhluk halus. Justeru, sebelum memasuki, kebiasaannya Orang Kedah tradisional meminta restu terlebih dahulu. Restu itu boleh diminta dengan cara menyebut "hei datuk nenek yang memegang tanah, api, air, dan angin, anak cucu ingin memasuki hutan, harap datuk nenek dapat menjaga cucu". Tujuannya ialah untuk memberitahu kepada makhluk tersebut bahawa manusia ingin mendatangi tempat mereka, selain sebagai simbolik mengiktiraf mereka sebagai penjaga hutan. Faedahnya, manusia terlindung daripada musibah fizikal dan gangguan makhluk tersebut. Terakhir, pantang-larang di hutan. Pertama larangan bercakap kuat di hutan. Ini kerana hutan merupakan tempat makhluk halus. Tindakan membuat bising seakan-akan mengganggu mereka dan boleh menimbulkan kemarahan mereka. Kedua, larangan bercakap besar. Perbuatan itu seakan-akan merendah-rendahkan keupayaan mereka dan tidak disukai oleh makhluk tersebut. Ketiga, larangan merosakkan hutan. Hutan merupakan tempat makhluk halus. Perbuatan itu seakan-akan mengganggu ketenteraman mereka. Keempat, larangan tidur di tepi sungai. Sungai merupakan tempat permainan hantu dan sumber minuman binatang. Perbuatan itu boleh membahayakan keselamatan manusia. Terakhir, larangan tidur di

atas pokok. Selain dikhuatiri terjatuh, pokok juga merupakan tempat permainan hantu. Tindakan manusia itu dikhuatiri mengganggu mereka.

KESIMPULAN

Kajian ini telah memenuhi matlamat untuk mengkonstruksi kembali hakikat sistem personalistik setempat, hubungannya dengan etiologi penyakit, serta kaitannya dengan perlindungan diri masyarakat Melayu Kedah akibat sistem ilmu/jalan ceritanya telah menyusut daripada masyarakat akibat dihakis oleh kebudayaan Islam, kemodenan, dan globalisasi. Ringkasnya, hantu menyakiti manusia akibat roh mereka tidak dapat naik ke langit akibat langit enggan membuka pintu kerana kejahatan mereka di dunia dan mereka dikembalikan ke dunia dalam rupa entiti tertentu yang tidak diketahui asal-usul atau disebut hantu. Kepercayaan berhubung hantu ini hakikatnya dicetuskan oleh idea yang berteraskan prinsip kebetulan. Fenomena alam yang tidak diketahui asal usul misalnya di tafsir sebagai ada elemen *supernatural*, lantas disembah sebagai Tuhan. Kedatangan Hindu memperteguh lagi idea itu. Hinduisme mempercayai bahawa Brahman mencipta dunia dan isi-isinya menerusi pancarannya dalam bentuk "jiwa" yang berada di dalam objek alam. Orang Kedah sebelum Hindu pula mempercayai akan kewujudan "jiwa" di dalam alam. Maka, idea Hinduisme itu terus memperteguhkan lagi kepercayaan *spritualisme* sedia ada. Islam yang mengakui kewujudan makhluk halus terus memperteguhkan lagi idea tersebut. Entiti itu mula di konsepsi sebagai hantu setelah mereka dikenal pasti asal-usulnya menerusi doktrin Hindu-Islam. Menerusi asas ini, entiti itu didapati berasal daripada roh orang telah mati yang tidak dapat naik ke langit akibat langit enggan membuka pintu kerana kejahatan mereka di dunia, lantas mereka dikembalikan ke dunia sebagai hantu. Sebagai membalas dendam, mereka menyakiti manusia dengan cara mengganggu roh, menindih tubuh, menggigit tubuh, menghisap darah, merasuk manusia, menawan *semangat*, menyekat darah, menyerang jiwa, dan meludah manusia. Manusia menghindari entiti itu dengan cara mengadakan ritual menghalau, ritual memagar rumah, ritual menjaga kampung, mandian semangat, amalan memukul tubuh, amalan mengesan sihir, amalan menepuk pinggang, amalan menyimpan kacik/besi, membaca mantera, membaca petanda alam,

memakai tangkal, serta mengamalkan petua dan pantang-larang tertentu ketika di hutan. Asas-asas itu membuktikan bahawa masyarakat setempat mempunyai asas perlindungan diri mereka yang tersendiri yang berfungsi dengan baik, yang selama ini menyusut dari masyarakat akibat ditelan oleh perkembangan Islam dan perubahan budaya.

RUJUKAN

- A. Aziz Deraman. 2001. *Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia: Suatu Analisis Perkembangan Kebudayaan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Aziz Deraman. 2005. *Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Aziz Deraman & Wan Ramli Wan Mohamad. 1995. *Adat dan Pantang-Larang Orang Melayu*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Abdul Rahman Abdullah. 1990. *Pemikiran Umat Islam di Nusantara: Sejarah dan Perkembangannya Hingga Abad ke-19*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Abdullah. 1999. *Falsafah Alam Semesta di Nusantara*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Aishah @ Eshah Mohamed & Abd. Haji Bidin. 2010. Makanan dan Kepercayaan Tentang Etiologi Penyakit: Kes Orang Melayu Kelantan. *Jurnal Melayu 2*: 29-46.
- Amaluddin Bakeri & Mohammad Raduan Mohd. Ariff. 2002. Tradisi Membangun Rumah Masyarakat Melayu Brunei di Kampung Air Sarawak: Kajian Kes di Limbang. *Journal of Southeast Studies 7*: 79-98.
- Ann, W. S. 1996. *Kepercayaan Orang Cina*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Annandale, N. 1904. *Fasciculi Malayenses: Anthropological and Zoological Results of an Expedition to Perak and the Siamese Malay States, 1901-1902*. London: The University Press of Liverpool.
- Azyantee Mohd Zawawi. 2013. Amalan Tabu Suku Mah Meri Tanjung Sepat, Banting Selangor. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu 6(2)*: 155-169.
- Hose, C. dan McDougall, W. 1966. *The Pagan Tribes of Borneo*. London: Frank Cass & Co. Ltd.
- Endicott, K. M. 1970. *An Analysis of Malay Magic*. First Edition. Selangor: Oxford University Press.
- Endicott, K. M. 1979. *Batek Negrto Religion: The World-View and Rituals of a Hunting and Gathering People of Peninsular Malaysia*. New York: Oxford University Press.
- Gimlette, J. B. 1991. *Malay Poisons and Charm Cures*. Singapura: Penerbit Fajar Bakti.
- Hairudin Harun. 2006. *Kosmologi Melayu dalam Era Teknologi Maklumat*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haliza Riji. 1999. Penjagaan Kesihatan dan Rawatan: Prinsip dan Teori dalam Perubatan Melayu. Tesis Ph.D, Jabatan Pengajian Melayu, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- Hamidah Abdul Wahab. 2013. Petua dan Pantang-Larang dalam Alam Melayu Sarawak. *International Journal of The Malay World and Civilisation (Iman) 1(1)*: 89-97.
- Haron Daud. 1989. *Sejarah Melayu: Satu Kajian daripada Aspek Pensejarahan Budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Awang A.R. 1984. Amalan Magis Di Kalangan Orang Melayu Bintulu. Dalam Nik Safiah Karim (Pnyt.). *Rampaian Pengajian Melayu*: 138-149. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Howell, S. 1984. *Society and Cosmos: Chewong of Peninsular Malaysia*. Singapura: Oxford University Press.
- Ismail Hamid. 1991. *Masyarakat dan Budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Hamid. 1998a. Agama dan Kepercayaan. Dalam Wan Hashim Wan Teh & Ismail Hamid (Pngr.). *Nilai Budaya Masyarakat Desa: Kajian Etnografi di Wang Kelian, Perlis*. Jilid 1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 43-57.
- Ismail Hamid. 1998b. Agama dan Kepercayaan. Dalam Robiah Sidin & Juriah Long (Pngr.). *Nilai Budaya Masyarakat Desa: Kajian Etnografi di Kampung Tekek, Pulau Tioman, Pahang*. Jilid 2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 29-42.
- Rajantheran, M & Manimaran, S. 1994. *Adat dan Pantang-Larang Orang India*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Mastor Surat, Noor Aisyah Mokhtar, & Mazlan Mohd Tahir. 2012. Amalan Ritual Masyarakat Melayu Muslim dalam Proses Membangunkan Rumah. Kertas kerja dibentangkan dalam *Seminar Antarabangsa Arkeologi, Sejarah, dan Budaya di Alam Melayu*, pada 15-16 Oktober, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- McHugh, J. N. 1955. *Hantu Hantu: An Account of Ghost Belief in Modern Malaya*. Donald Moore: Singapura.
- Mohd Taib Osman. 1984. Perubahan Sosio-Budaya dan Hubungannya dengan Pengajian Manusia yang dikatakan "Melayu". Dalam Nik Safiah Karim (Pnyt.). *Rampaian Pengajian Melayu*: 240-260. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Mohd Taib Osman. 1988. *Bunga Rampai Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Taib Osman. 1989a. *Malays Folk Beliefs: An Integration of Disparate Elements*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Taib Osman. 1989b. Agama dan Kepercayaan Orang Melayu. Dalam Mohd Taib Osman (Pngr.). *Masyarakat Melayu: Struktur, Organisasi, dan Manifestasi*: 146-203. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohtar Md. Dom. 1977a. *Tahyol dan Kepercayaan*. Kuala Lumpur: Federal Publications.
- Mohtar Md. Dom. 1977b. *Bomoh dan Hantu*. Kuala Lumpur: Federal Publications.
- Nordin Saad. 2000. Adat dan Pantang-Larang Masuk ke Hutan. *Jurnal Warisan Indera Kayangan (12)*.
- Nordin Saad. 2001. Adat dan Pantang-Larang Memilih Tapak dan Membina Rumah Baru. *Jurnal Warisan Indera Kayangan (13)*.
- Schebesta, P. 1973. *Among The Forest Dwarfs of Malaya*. London: Oxford University Press.
- Rahim Syam Norhale. 1985. *Mendekati Kebudayaan Melayu*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Salmah Omar. 2010. Penjagaan Kesihatan Masyarakat Malanau Islam Kampung Jepak, Bintulu Sarawak. Tesis

- Ph.D, Jabatan Sosiobudaya, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Skeat, W. W. & Blagden, C. O. 1967. *Malay Magic Being an Introduction to The Folklore and Popular Religion of the Malay Peninsula*. New York: Dover Publications.
- Swettenham, F. A. 1993. *A Nocturne and Other Malayan Stories and Sketches*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Syariffah Suraya. 2010. *Penjagaan Kesihatan Wanita Melayu Kampung Selarong, Perak*. Tesis Ph.D, Jabatan Sosiobudaya, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Wan Nan Wan Mahmud. 2001. *Perbuatan yang Menjadi Pantang-Larang Orang Melayu Perlis*. *Jurnal Warisan Indera Kayangan* (13).
- Wan Ramli Wan Muhammad & Hanapi Dollah. 1999. *Pantang-Larang Orang Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Winstedt, R. O. 1925. *Shaman Saiva and Sufi: A Study of the Evolution of Malay Magic*. London: Constable & Company LTD.
- Winstedt, R. O. 1961. *The Malays A Cultural History*. London: Routledge & Kegan Paul LTD.
- Winstedt, R. O. 1982. *The Malay Magician being Shaman, Saiva, and Sufi*. Singapore: Oxford University Press.
- Yaacob Harun. 2014. *Pantang-Larang Sosio Budaya Masyarakat di Selangor*. Kertas Kerja dibentangkan dalam *Seminar Pantang-Larang Masyarakat di Selangor*, pada 25-26 November di Muzium Sultan Alam Shah, Selangor.
- Yap, B. L. 1985. *The Traditional World-views of the Indigeneous Peoples of Sabah*. Dalam Mohd Taib Osman. (Pnyt.). *Malaysian World-view*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.

Muhd Abdul Hadi Johari
Calon Sarjana
Pengajian Melayu, Universiti Malaya
Kampung Keledang, Kuala Pegang, 09110 Baling, Kedah Darul Aman.
Tel: 0132831442
E-mail: muhdabdulhadi90@yahoo.com

Ahmad Hakimi Khairuddin
Pensyarah Kanan Jabatan Sosiobudaya
Jabatan Sosiobudaya, Akademi Pengajian Melayu, UM, 50603 Kuala Lumpur.
Te: 013-3904700
E-mail: hakimi.arkeo@gmail.com

Diserahkan: 10 Mac 2018
Diterima: 22 Mei 2018

